

TARIKH	9 / 2 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32.	RUANGAN	Minak Pengawasan

Transformasi kerajaan kukuh Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menyambut ulang tahun penubuhan ke-50 dengan prestasi cemerlang apabila mengumumkan bayaran bonus tertinggi dalam sejarah sebanyak 8 peratus. Kemampuan Tabung Haji menawarkan bonus tertinggi itu menyeralahkan kemampuan sebenar agensi itu sebagai institusi kewangan Islam yang mempunyai kemampuan dan kepakaran untuk mencatatkan keuntungan, khasnya dalam pelaburan halal. Ia sekali gus memelihara kesucian wang pendeposit dengan satu matlamat, iaitu untuk memudahkan mereka menunaikan fardu haji. Kejayaan itu membuktikan Tabung Haji bukan sekadar entiti kewangan Islam yang hanya menumpukan usaha mengurus wang pendeposit dan mengendalikan urusan haji, sebaliknya menjadi institusi kewangan Islam berdaya maju, mampu menguruskan pelaburan bernilai berbilion ringgit dan mengagihkan keuntungan pada kadar munasabah. Perlu diakui, Tabung Haji pernah berdepan masalah dalaman apabila ada segelintir pegawainya pecah amanah serta salah guna kuasa. Namun, berkat kesungguhan dan keikhlasan pimpinan kerajaan serta pegawai Tabung Haji menyusun semula organisasi itu, kepercayaan pendeposit tidak pernah tergugat. Saban hari, ada saja pendeposit baru membuka akaun dengan Tabung Haji bagi memudahkan mereka menunaikan haji.

Bonus Jubli Emas sempena ulang tahun ke-50 itu merangkumi 6.5 peratus bonus tahunan dan bonus khas 1.5 peratus. Ia harus menyedarkan pendeposit bahawa keuntungan itu didorong kestabilan ekonomi dan politik yang dibawa kerajaan yang memerintah hari ini. Ia menjadi petunjuk jelas galakan daripada kerajaan untuk membuat pelaburan di dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang yang membolehkan agensi itu mencatat keuntungan tinggi bagi tahun lalu, iaitu RM2.8 bilion berbanding RM2.2 bilion pada 2011. Kerajaan menerusi dasar pelaburan yang mesra pelabur, memberikan pelbagai insentif galakan, di samping melaksanakan liberalisasi ekonomi tanpa meminggirkan nilai Islam, ternyata berjaya mewujudkan iklim perdagangan yang adil dan bebas. Sejajar dengan agenda transformasi kerajaan, skop agihan keuntungan Tabung Haji wajar diperluas kepada umat Islam secara inklusif dan tidak hanya bertumpu kepada pendeposit semata-mata, seperti melaksanakan Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), menyediakan biasiswa kepada pelajar Islam atau memberi pinjaman kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana Islam dengan syarat yang berlandaskan syariat Islam.